

**MCA Tarik Balik Keputusan Gantung Keanggotaan Exco Johor Tee Siew Keong  
Bernama  
5 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- MCA menarik balik tindakan penggantungan Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Sebatang, Datuk Tee Siew Keong sebagai anggota parti itu selama tiga tahun, berkuat kuasa serta-merta.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek berkata keputusan itu dibuat setelah Tee membuat rayuan dengan mengemukakan bukti berupa surat daripada Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang mahukan Tee dilantik sebagai exco kerajaan negeri itu.

"Kami (jawatankuasa pusat) mempertimbangkan rayuan serta dokumen yang disertakan oleh beliau (Tee) barulah membuat keputusan menerima beliau kembali," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Parti di sini, Khamis.

Sehubungan itu, Chua berkata Tee juga telah dimasukkan semula sebagai anggota jawatankuasa pusat MCA dan boleh mengambil bahagian dalam pemilihan parti.

Pada 20 Jun, MCA menggantung keanggotaan Tee kerana menerima jawatan Exco Kerajaan Negeri Johor sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Johor.

Tee digantung keanggotaannya kerana didakwa melanggar keputusan parti yang membuat resolusi pada 2011 dan 2012 untuk tidak akan menerima sebarang jawatan kerajaan pusat dan negeri sekiranya parti itu mencatatkan prestasi buruk pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13), 5 Mei lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975520>